

## AKHBAR : BERITA HARIAN

# Jadual padat halang FAS lepaskan Andik

**Shah Alam:** Persatuan Bolasepak Selangor (FAS) tidak pernah menyekat mana-mana pemain importnya daripada pulang menyertai latihan pusat mahupun beraksi mewakili skuad kebangsaan masing-masing.

Malah, mereka juga tidak memandang remeh panggilan Skwad Garuda ke atas pemain skuad The Red Giants itu kerana itu adalah satu penghormatan buat pemain terbabit.

Bagaimanapun, pengurus pasukan, Amirudin Shari mengakui mereka masih belum bersedia melepaskan pemain sayapnya, Andik Vermansyah bagi menyertai latihan pusat skuad Indonesia memandangkan khidmatnya begitu ditagih untuk Selangor buat masa ini.

Justeru, pihaknya hanya akan melepaskan pemain lincih itu pada pertengahan bulan nanti bagi membantu Selangor yang kini dihimpit dengan jadual saingan liga tempatan yang padat.

"Kita ambil maklum mengenai hasrat Andik itu dan saya akan melepaskan dia beraksi buat pasukan negaranya.

"Cuma ketika ini keadaan pasukan agak kritikal yang memerlukan pemain-pemain utama bagi mengharungi baki saingan Liga Super dan Piala Malaysia ini.

## Selesaikan tugas

"Kehadiran Andik dalam pasukan cukup penting malah impaknya selaku ketua pasukan juga amat besar.

"Jadi, saya harap Andik dapat kekal dengan pasukan hingga ke tarikh yang sesuai dan tak silap saya pada 16 atau 17 haribulan dia boleh sertai pasukan negaranya.

"Apapun, kita selesaikan dulu saingan liga tempatan dan kemudian dia akan melaporkan diri di sana," katanya ketika ditemui di Shah Alam, semalam.

BH Sukan semalam melaporkan pemain sayap berusia 25 tahun mengharapkan supaya badan induk bola sepak negeri itu memberi pelepasan kepadanya untuk menyertai latihan pusat skuad kebangsaan Indonesia sebagai persiapan ke Piala Suzuki AFF 2016.

Namun, jadual yang padat menyaksikan dia tidak dapat dilepaskan dan memohon FAS supaya membuat pertimbangan sewajarnya agar dia dapat kembali beraksi bersama skuad Garuda itu buat kali pertama dalam tempoh tiga tahun.

Oleh Syafiq Aznan



Jadi, saya harap Andik dapat kekal dengan pasukan hingga ke tarikh yang sesuai dan tak silap saya pada 16 atau 17 haribulan dia boleh sertai pasukan negaranya"

Amirudin Shari  
Pengurus Selangor

19 Ogos 2016

## PEJABAT DAERAH/TANAH PETALING

### AKHBAR : BERITA HARIAN



**Andik (dua dari kiri) meraikan** jaringannya ketika menentang Terengganu pada perlawanan Liga Super di Stadium Shah Alam, Selasa lalu.

## AKHBAR : SINAR HARIAN

## MBPJ jalankan inventori guna tanah semasa

**PETALING JAYA** - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menjalankan inventori guna tanah semasa di kawasan Seksyen 1,2,3 dan 4 di PJ Old Town, di sini, selama dua minggu yang akan berakhir 21 Ogos ini.

Timbalan Datuk Bandar MBPJ, Johari Anuar berkata, pada peringkat awal, pihaknya akan memasang beberapa kain rentang di bahagian lokasi yang bersesuaian supaya penduduk terlibat maklum mengenai perkara ini.

"Kawasan Seksyen 1, 2, 3 dan 4 penempatan paling awal dibangunkan di Petaling Jaya sekitar 1950-an. Ketika itu, ia bandar satelit bagi menampung keperluan perumahan penduduk, khusus yang bekerja di Kuala Lumpur.

"Sehingga kini selepas lebih 60 tahun, berlaku perubahan dari segi kegunaan tanah. Jika dulu lot kediaman sekarang bertukar kegunaan lain seperti perniagaan dan rumah ibadat. Perubahan ini pernah mendapat perhatian MBPJ," katanya sempena taklimat inventori guna tanah, baru-baru ini.

Johari berkata, selepas beberapa kajian tertentu dijalankan dan proses 'engagement'

bersama penduduk, MBPJ pada 2003 menyediakan Rancangan Tempatan Petaling Jaya 1 (RTPJ1) dan diwartakan pada 13 Mac 2003.

Bagaimanapun menurutnya, ia dipinda dan diwartakan pada 14 Jun 2007 dan diguna pakai sekarang sementara menunggu Pengubahan 2 yang kini di peringkat kelulusan kerajaan negeri.

"Aktiviti perniagaan yang dibenarkan dihadkan kepada beberapa jenis tertentu. Penambahan tingkat dan ruang lantai premis asal tidak dibenarkan termasuk perubahan fasad dan reka bentuk premis.

"Premis terlibat secara langsung akan berdepan tindakan penguatkuasaan MBPJ sama ada dalam bentuk kompaun atau sitaan," katanya.

Sehubungan itu katanya, MBPJ melihat satu kajian wajar dilaksanakan khusus di kawasan ini bagi mendapatkan statistik terkini berhubung perubahan guna tanah semasa.

"Data yang diperolehi akan dianalisis dan penemuan isu dikenal pasti kelak dijadikan asas kepada cadangan pembangunan pada masa depan," katanya.

## AKHBAR : SINAR HARIAN

# Bincang lepas PRU14

Tiada keperluan untuk lantik Muhyiddin jadi ketua pembangkang

■ MARLIA ZAKARIA &  
NORAZIHAN MD GHAZALI

**SHAH ALAM** - Tiada keperluan untuk menilai sama ada Presiden Penaja Bersatu, Tan Sri Muhyiddin Yassin layak atau tidak dilantik sebagai ketua pembangkang kerana tumpuan perlu diberi pada persiapan menjelang PRU14.

Timbalan Pesuruhjaya Pas Selangor, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi berkata, blok pembangkang seharusnya perlu bekerja kuat untuk mencapai kemenangan dalam PRU14.

"Pada pandangan saya, apa yang ada pada hari ini perlu dikekalkan.

"Lepas PRU14, bincanglah siapa pun nak jadi ketua pembangkang atau perdana menteri. Sebaiknya yang mengetuai blok pembangkang juga me-



AHMAD YUNUS



SHUHAIMI

rupakan ketua pembangkang di Parlimen," katanya.

Menurutnya, beliau masih belum jelas tentang kemampuan Muhyiddin dalam memperjuangkan reformasi.

"Saya belum nampak komitmen beliau. Beliau terlalu baru untuk dilihat kekuatannya membawa reformasi.

"Saya khuatir, blok pembangkang semakin berpecah,"

katanya.

"Pastinya perkara ini akan dibincangkan, diperhalusi dan diputuskan setelah mengambil kira pandangan semua pihak dalam parti.

"Tidak timbul isu Muhyiddin layak atau tidak bagi memegang jawatan sebagai ketua pembangkang," katanya.

Pada masa sama, beliau yang juga Adun Sri Muda turut mengakui setakat ini kepimpinan PKR negeri yakin dengan kebolehan Presiden PKR, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail mengetuai kerusi ketua pembangkang.

Kelmarin, Naib Presiden PKR, Nurul Izzah Anwar dilaporkan berkata, Pakatan Harapan sedia bekerjasama dengan mana-mana pihak, selagi syarat utama (reformasi) dihormati.

katanya.

Sementara itu, Ketua Penerangan Keadilan Selangor, Shuhaimi Shafie menegaskan, kepimpinan PKR di Selangor akan mengikut keputusan dibuat Majlis Pimpinan Pusat (MPP) dalam isu pemilihan ketua pembangkang.

Menurutnya, pihaknya dan parti di peringkat negeri akan akur pada keputusan